

05/12/1998

Permohonan batal saman Anwar difail

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jabatan Peguam Negara memfailkan permohonan untuk membatalkan saman bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mendakwa pemecatannya daripada Kabinet tidak sah dan batal.

Mahkamah Tinggi menetapkan 25 Januari depan untuk mendengar permohonan itu yang dibuat mengikut Aturan 18 Kaedah 19(1)(a), (b) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Pegawai Khas kepada Peguam Negara, Shamsuddin Hassan, dalam satu kenyataan berkata permohonan bagi mengetepikan saman Anwar itu dibuat kerana ia tidak mendedahkan apa-apa kuasa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh dan menyusahkan serta suatu penyalahan proses mahkamah.

Katanya, alasan bagi permohonan itu ada dalam affidavit Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Halim Ali dan Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Agong, Ja'apar Wahab, yang difail bagi menyokong permohonan itu.

Affidavit itu mendakwa pelucutan kedua-dua jawatan Anwar itu diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka membuat perintah supaya memotong nama Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan menggantikan namanya sebagai Menteri Kewangan dengan nama Dr Mahathir.

Pada 13 November lalu, Anwar yang juga Menteri Kewangan sebelum dilucut daripada kedua-dua jawatannya itu pada 2 September lalu, memfailkan saman terhadap Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia mencabar pemecatannya dari Kabinet.

Dalam samannya yang difailkan menerusi Tetuan Karpal Singh and Company, Anwar memohon pengisytiharan bahawa pemecatannya daripada kedua-dua jawatan itu adalah tidak mengikut Perlembagaan.

Beliau juga meminta pengisytiharan bahawa beliau masih menteri dalam Kabinet selain menuntut kos dan apa-apa relief yang difikirkan sesuai serta wajar oleh mahkamah.

Dalam affidavit bagi menyokong permohonannya, Anwar mendakwa beliau yang menjadi Ahli Parlimen Permatang Pauh sejak 1982, dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan selepas pilihan raya umum pada 1995.

Menurutnya, pelantikannya oleh Yang di-Pertuan Agong adalah atas nasihat Perdana Menteri mengikut Perkara 43 (20) (b) Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun, katanya, pada jam 5.30 petang 2 September lalu Perdana Menteri melucutkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan secara tidak sah dan bercanggah dengan Perkara 43 (5) Perlembagaan Persekutuan.

Beliau yang kini ditahan di Penjara Sungai Buloh, kerana tidak mendapat ikat jamin atas lima tuduhan meliwat dan lima tuduhan rasuah mendakwa Perdana Menteri mengakui di Dewan Rakyat bahawa beliau sudah menyampaikan keputusan melucutkan jawatan itu kepada Yang di-Pertuan Agong.

Menurutnya, beliau dinasihatkan oleh peguam caranya bahawa Perdana Menteri tidak mempunyai kuasa dan hak mengikut undang-undang untuk melucutkan jawatannya.

Katanya, pelantikannya sebagai Menteri oleh Yang di-Pertuan Agong dan beliau juga boleh membatalkan pelantikan itu atas nasihat Perdana Menteri mengikut Perkara 43 (5) Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu, katanya, beliau masih seorang Menteri Kabinet Malaysia kerana pelantikannya oleh Yang di-Pertuan Agong belum lagi dibatalkan secara sah.

(END)